



PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANGNEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT JAWATANKUASA KIRA-
KIRA WANG NEGARA

Tel : 03-2601 7263/ 2698 6852(DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

12 Jun 2023

KENYATAAN MEDIA

PELANGGARAN PERATURAN MESYUARAT 85 BERHUBUNG PROSIDING PAC BERKENAAN LAPORAN KEMAJUAN PROJEK KAPAL PERONDA GENERASI KEDUA – *LITTORAL COMBATANT SHIP* (LCS)

1. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) memandang serius terhadap artikel Utusan Malaysia bertarikh 12 Jun 2023 yang bertajuk “**Kurangkan kapal LCS jimat kos – Saksi** yang menyatakan Kerajaan mengambil keputusan mengurangkan pembinaan kapal tempur pesisir pantai (LCS) daripada enam kepada lima buah atas alasan menjimatkan kos.”
2. Artikel ini jelas melanggar Peraturan Mesyuarat 85 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PM 85) yang jelas menyatakan bahawa “*Keterangan yang diambil di hadapan sesebuah Jawatankuasa Pilihan dan apa-apa surat yang dikeluarkan kepadanya tidak boleh disiarkan oleh siapa-siapa ahli Jawatankuasa itu, atau oleh siapa-siapa jua, sebelum Jawatankuasa itu membawa penyata itu kepada Majlis.*”
3. Saya amat kesal dengan artikel berkenaan kerana ia jelas dapat mengganggu siasatan, rumusan serta syor PAC bagi prosiding ini.

4. Saya sudah menulis surat kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Johari bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat bagi memaklumkan mengenai pelanggaran PM 85 dan memohon panduan daripada beliau berhubung isu ini.
5. Pada masa sama, saya menyeru semua pihak terutamanya media massa supaya menghormati siasatan prosiding PAC dan mendapatkan kenyataan rasmi daripada PAC sendiri.
6. Seperti yang telah saya jelaskan dalam sidang media PAC bertarikh 8 Jun 2023 bahawa PAC akan mengadakan sidang media mingguan setiap hari Khamis pada hari persidangan Dewan Rakyat bagi memaklumkan mengenai perkembangan prosiding PAC.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen